

# **BAHASA MAINAN DALAM BAHASA MELAYU: SUATU ANALISIS FONOLOGI AUTOSEGMENTAL**

*Zaharani Ahmad dan Md. Suhada Kadar*

## **Abstrak**

Bahasa mainan adalah salah satu ragam bahasa yang dihasilkan oleh sekumpulan penutur dengan cara mengubah dan melakukan modifikasi ke atas struktur fonologi bahasa umum dengan tujuan untuk bersenda. Kebanyakan bahasa di dunia mempunyai bahasa mainannya yang tersendiri dan dikenali dengan pelbagai nama seperti bahasa rahsia, bahasa kod, penyamaran ujaran, permainan kata, bahasa ritual, permainan ujaran dan lain-lain (Bagemihl, 1996). Walaupun perubahan itu menyimpang daripada peraturan nahu bahasa sebenar, namun bentuk output yang terhasil itu masih boleh difahami oleh penuturnya. Ini menunjukkan bahawa perubahan atau penyimpangan yang dilakukan itu adalah sesuatu yang bersistematis dan dikawal oleh peraturan dan rumus-rumus tertentu. Sehubungan dengan itu, kertas ini cuba menghurai dan menjelaskan perilaku fonologi salah satu ragam bahasa mainan dalam bahasa Melayu, iaitu bahasa mainan perubahan struktur suku kata yang pernah diuraikan secara deskriptif oleh Azizul Rahman (1995) dan Ajid (1989). Analisis yang dikemukakan di sini menggunakan pendekatan teori fonologi autosegmental, dan kajian ini cuba menghuraikan rumus-rumus fonologi yang beroperasi dalam proses pen-derivasiyan yang menerbitkan kata mainan berkenaan.

## **Abstracts**

*Language game is a variety of languages that is constructed by a group of speakers by distorting and modifying the phonological structure of the ordinary language for purposes of play. Most languages in the world have their own language games which are dubbed by numerous names such as secret language, code language, speech disguise, word games, ritual language, speech play, and so on*

*(Bagemihl, 1996). Although the distortions and modifications are averting from the norm, the outputs are comprehensible among the speakers. This demonstrates that the distortions are performed systematically and they are rule-governed. This paper attempts to analyze and explicate the phonological behavior of the so-called syllable transposition language game, a variety of language games in Malay that has been described in Azizul (1995) and Ajid (1989). The present analysis is couched in the framework of autosegmental phonology, and the study attempts to describe the phonological rules involved in the derivations in generating the play words.*

## PENDAHULUAN

Bahasa mainan atau bahasa rahsia ialah satu ragam bahasa yang digunakan dengan tujuan untuk menyembunyikan maklumat yang dipertuturkan itu agar tidak difahami oleh orang lain. Bahasa mainan merupakan hasil manupulasi penutur yang mengubah dan melakukan modifikasi ke atas struktur bahasanya agar berbeza daripada bahasa tuturan sebenar. Kebanyakan bahasa di dunia mempunyai bahasa mainannya yang tersendiri dan dalam kosa ilmu linguistik, ia dikenali dengan pelbagai nama seperti bahasa rahsia, bahasa kod, penyamaran ujaran, permainan kata, bahasa ritual, permainan ujaran dan lain-lain (Bagemihl, 1996). Bahasa mainan biasanya dicipta oleh golongan remaja tertentu dan digunakan untuk berkomunikasi sesama sendiri.

Bagi sesetengah anggota masyarakat yang tidak dapat memahami bahasa mainan ini menganggap penutur bahasa tersebut telah merosakkan atau mencemarkan bahasa yang digunakan oleh masyarakat umum. Pencemaran di sini bermaksud bahasa mainan itu telah melanggar peraturan atau sistem bahasa umum. Justeru, bahasa yang digunakan oleh golongan remaja ini dianggap tidak sesuai untuk dijadikan alat perhubungan kerana boleh mencemarkan identiti dan keharmonian bahasa Melayu.

Namun begitu, sebagai satu ragam bahasa, bahasa mainan tetap mempunyai peraturan dan sistemnya yang tersendiri. Kajian ini mendapati bahawa bahasa mainan itu mempunyai sistem fonologi yang sama dengan bahasa Melayu umum terutama dari segi inventori rumus dan pelaksanaan rumus yang beroperasi dalam bahasa tersebut. Sehubungan dengan itu, kertas ini cuba untuk menghurai dan menjelaskan rumus-rumus fonologi berkenaan dengan menggunakan kerangka teori fonologi autosegmental. Teori fonologi autosegmental didapati mampu untuk menangani proses fonologi yang berlaku dalam bahasa mainan dengan baik dan berpada.


## TEORI AUTOSEGMENTAL

Teori Autosegmental mula diperkenalkan dalam kosa ilmu fonologi oleh Goldsmith (1976). Teori autosegmental digunakan untuk menangani fenomena fonologi seperti pemanjangan kompensatori, fenomena tona kontur, fenomena harmoni vokal, fenomena nasalisasi vokal dan lain-lain. Dalam perkembangan seterusnya, teori ini diaplikasikan pula dalam bidang morfologi, terutama untuk menangani fenomena yang berhubung dengan morfologi pola dan akar dalam bahasa Semitik dan reduplikasi atau penggandaan.

Andaian asas teori ini ialah representasi fonologi itu terdiri daripada beberapa tingkat. Antara tingkat yang diutarakan dalam kosa ilmu fonologi ialah tingkat segmen (*segmental tier*), tingkat KV (*CV tier*) atau tingkat skeletal (*skeletal tier*) atau dikenali juga sebagai tingkat waktu (*timing tier*), dan tingkat suku kata (*syllable tier*). Setiap tingkat ini mempunyai segmennya yang tersendiri. Segmen yang berada pada tingkat segmen terdiri daripada fonem konsonan dan vokal, manakala segmen pada tingkat KV terdiri daripada K (konsonan) dan V (vokal) yang dikenali juga sebagai gatra (*slots*). Segmen pada tingkat suku kata pula terdiri daripada  $\sigma$ . Segmen-semen yang berada pada tingkat-tingkat yang berlainan ini akan dihubungkan antara satu sama lain dengan garis penghubung menurut konvensi universal *Well-Formedness Condition* (*WFC*) yang mensyaratkan garis penghubung tidak boleh bersilang.

Dalam proses penghubungan atau pemetaan dengan garis penghubung, buniyi vokal akan dihubungkan dengan gatra V, dan bagi buniyi konsonan pula dipetakan kepada gatra K. Proses penghubungan antara satu tingkat dengan tingkat yang lain dapat dilihat dalam contoh di bawah:


### 1. Tingkat suku kata



Representasi di atas terdiri daripada tiga tingkat, iaitu tingkat suku kata, tingkat KV dan tingkat segmen. Proses penghubungan dimulakan dengan menghubungkan fonem di tingkat segmen dengan segmen K dan V di tingkat KV dan akhirnya dengan segmen  $\sigma$  di tingkat suku kata. Seperti yang telah

dinyatakan di atas, garis penghubung mestilah tidak bersilang untuk menghasilkan bentuk yang gramatis. Proses penghubungan yang menghasilkan garis bersilang adalah seperti di bawah yang menyalahi peraturan *Well-Formedness Condition (WFC)*.

## 2. Tingkat suku kata



Representasi di atas menunjukkan semua segmen telah dihubungkan antara satu dengan yang lain. Walaupun gatra K dihubungkan dengan konsonan dan gatra V dihubungkan dengan vokal, namun dalam proses penghubungan tersebut terdapat garis yang bersilang, iaitu pada suku kata kedua. Garis bersilang ini telah melanggar *Well-Formedness Condition (WFC)* dan bentuk yang berhasil itu adalah tidak gramatis.

## BAHASA RAHSIA PERTUKARAN ONSET

Salah satu bentuk bahasa mainan yang popular dalam kalangan penutur Melayu melibatkan pertukaran *onset* antara suku kata pertama dengan suku kata kedua. Walaupun sesetengah pengkaji bahasa Melayu turut menyentuh aspek penderivasian ini secara ringkas, khususnya rumus fonologi yang terlibat, analisis mereka didapati terlalu umum dan mudah (Ajid Che Kob, 1989; Azizul, 1995). Dalam kes tertentu, pengkaji langsung tidak menyatakan rumus yang berlaku dan sebahagiannya tidak begitu tepat secara deskriptifnya dengan data sebenar yang terdapat dalam bahasa mainan tersebut. Hal ini tentu sahaja menimbulkan persoalan dan permasalahan dalam pemerian fonologi bahasa mainan berkenaan. Justeru, kertas ini cuba meneliti dan membahaskan isu penderivasian bahasa mainan jenis ini secara lebih mendalam dengan melihat data yang lebih menyeluruh.

Sebelum kita menganalisis dan membuat generalisasi umum tentang ciri bahasa mainan yang dikaji, yang berikut ini dipaparkan beberapa data yang dipetik daripada Ajid (1989) dan Azizul (1995).


### 3. Bahasa Mainan/Rahsia (Ajid Che Kob, 1989)

Bahasa biasa	Bahasa mainan / rahsia
a. [yu]	[yuʔu]
b. [dan]	[daʔan]
c. [pon]	[poʔon]
d. [ini]	[niʔi]
e. [itu]	[tiʔu]
f. [ator]	[taʔor]
g. [utarə]	[tuʔarə]
h. [aŋkə]	[kaŋə]
i. [aŋkat]	[kaŋat]
j. [uŋkap]	[kuŋap]
k. [buku]	[kubu]
l. [buruj]	[ruburj]
m. [dəpan]	[pədan]
n. [gəlaŋgan]	[ləgaŋgan]

Generalisasi linguistik yang dapat disimpulkan daripada Data 3 di atas adalah seperti yang berikut: (i) semua konsonan di posisi *onset* dalam suku kata pertama akan bertukar tempat dengan konsonan di posisi *onset* suku kata kedua. (ii) semua vokal dalam suku kata akan kekal di posisi asalnya. (iii) semua kata yang telah mengalami pertukaran *onset* tidak akan mengubah struktur suku kata asal kata tersebut. (iv) penyisipan hentian glotis berlaku pada kata yang bermula dengan vokal, dan (v) penyisipan glotis juga berlaku pada kata yang bersuku kata satu yang berubah menjadi dua suku kata.

Dari sudut pendeskripsian fonologi, analisis yang baik dan berpadu harus dapat menangani dan menjelaskan kesemua generalisasi ini. Untuk menjelaskan generalisasi ini, satu rumus fonologi dikemukakan, iaitu rumus pertukaran *onset* yang boleh diformalisasikan seperti yang berikut:


### 4. Rumus Pertukaran *Onset* Suku Kata




Rumus di atas menyatakan bahawa *onset* suku kata pertama bertukar tempat dengan *onset* pada suku kata kedua. Untuk melihat bagaimana bahasa mainan pertukaran *onset* tersebut terhasil, sila lihat derivasi di bawah:

## 5. Proses Penderivasian Bahasa Mainan


### a. Representasi Dalaman



### b. Rumus Pertukaran *Onset*



### c. Representasi Permukaan



Seperti yang dapat dilihat, representasi dalaman mengandungi tiga tingkat representasi, iaitu tingkat suku kata, tingkat KV dan tingkat segmen. Setiap

tingkat mempunyai segmennya yang tersendiri, iaitu σ di tingkat suku kata, K dan V di tingkat KV, dan fonem konsonan dan vokal di tingkat segmen. Semua segmen ini akan dihubungkan antara satu sama lain dengan garis penghubung. Rumus pertukaran *onset* pada representasi 5b menjelaskan pertukaran konsonan pada kedudukan *onset* suku kata pertama dengan konsonan *onset* di suku kata kedua. Pertukaran tersebut membentuk kata /dəpan/ menjadi [pədan].

## BAHASA RAHSIA DENGAN PENYISIPAN HENTIAN GLOTIS [?]

Bahasa mainan dengan penyisipan hentian glotis [?] juga melibatkan rumus fonologi pertukaran *onset* yang sama. Apa yang menarik dalam data ini ialah kehadiran hentian glotis pada suku kata kedua. Fenomena ini melibatkan kata dasar yang bersuku kata tunggal dan kata dasar yang bersuku kata dua yang bermula dengan bunyi vokal. Bentuk bahasa mainan pada data (3) a, b, c, d, e, f, dan g masing-masing memperlihatkan kehadiran hentian glotis di antara dua vokal. Dalam bahasa mainan tersebut, terdapat bentuk seperti [ti?u], [ni?i], [yu?u] dan [da?an]. Satu lagi persoalan yang memerlukan penjelasan yang berpada ialah data (3) h, i dan j, iaitu kata [anjə] dimainkan menjadi [karŋə], [arŋkat] menjadi [karŋat], dan [uŋkap] menjadi [kuŋap]. Dalam perbincangan seterusnya akan diterangkan bagaimana kehadiran hentian glotis dalam setiap kata dalam representasi bahasa mainan berkenaan.


Kajian ini mengandaikan bahawa kata dasar yang dianggap sebagai bermula dengan vokal itu sebenarnya bermula dengan konsonan pada tahap tingkat KV. Andaian ini bertepatan dengan dakwaan Teoh (1994) yang mengatakan struktur suku kata dasar bahasa Melayu berstruktur KV dan KV(K). Ini secara langsung bermakna semua suku kata bahasa Melayu harus mempunyai *onset*. Menurut Teoh (1994), semua kata yang bermula dengan vokal itu sebenarnya didahului oleh konsonan hentian glotis di peringkat dalamannya. Misalnya representasi dalaman bagi kata <itu> ialah /?itu/. Berbeza daripada analisis Teoh (1994), kajian ini mengandaikan bahawa kata yang bermula dengan vokal itu tidak mempunyai spesifikasi fonem di tingkat segmen, tetapi mempunyai gatra K di tingkat KV (lihat representasi 6a di bawah). Gatra K yang kosong ini kemudian akan diisi dengan hentian glotis melalui rumus fonologi.

Derivasi 6 dan 9 di bawah menunjukkan bagaimana hentian glotis disisipkan di posisi *onset* semata-mata untuk memastikan semua suku kata


mempunyai *onset*. Seperti yang telah dinyatakan, analisis ini berbeza daripada Teoh (1994) yang menyatakan hentian glotis telah wujud di peringkat dalaman lagi untuk memastikan semua suku kata dalam kata dasar bahasa Melayu mempunyai *onset*.

## 6. Penderivasian Bahasa Mainan dengan Penyisipan Hentian Glotis


### a. Representasi Dalaman




### b. Rumus Pertukaran *Onset*



### c. Rumus *Default* Penyisipan Glotis




#### d. Representasi Permukaan



Di peringkat representasi dalaman semua fonem telah tersedia dihubungkan dengan gatra K dan V di tingkat KV. Oleh sebab jumlah bilangan segmen fonem dan gatra K dan V tidak sepadan, maka ada gatra K yang terbiar kosong. Dalam derivasi 6b, rumus pertukaran *onset* dilaksanakan. Pada representasi ini, konsonan /t/ pada *onset* suku kata kedua telah berubah tempat ke posisi *onset* suku kata pertama. Setelah berlaku pertukaran segmen, *onset* suku kata kedua pula menjadi kosong. Kekosongan ini harus diisi agar bentuk fonetik kata tersebut dapat direalisasikan. Sehubungan dengan itu, melalui rumus *default*, gatra K yang kosong itu diisi dengan konsonan hentian glotis.

## 7. Rumus *Default* Penyisipan Hentian Glotis




Rumus 7 menyatakan bahawa sekiranya terdapat gatra K yang kosong, maka gatra itu akan diisi dengan segmen hentian glotis. Rumus *default* ini ialah rumus pascaleksikal (*postlexical*), iaitu pengaplikasiannya hanya berlaku selepas semua rumus fonologi sempurna dilaksanakan. Dengan kata lain, sekiranya rumus penyebaran fitur ke gatra kosong K tidak berlaku, maka rumus *default* akan diaplikasikan dan gatra itu direalisasikan dengan hentian glotis [?]. Walaupun rumus *default* ini agak *ad hoc* sifatnya, namun ia diperlukan dan wujud dalam bahasa, dan pengaplikasiannya adalah tanpa kos dalam nahu sesuatu bahasa (Teoh, 1994). Akhirnya, di peringkat representasi permukaan kata /itu/ akan berubah menjadi /ti?u/ dalam bahasa mainan bahasa Melayu.


Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Teoh (1994) mengandaikan bahawa semua kata yang bermula dengan vokal itu sebenarnya bermula dengan hentian glotis di peringkat representasi leksikalnya. Sekiranya kita menerima analisis Teoh (1994) ini, kita juga boleh mendapat output yang tepat seperti yang ditunjukkan oleh derivasi 8 di bawah:

## 8. Penderivasian Bahasa Mainan Pertukaran *Onset*


### a. Representasi Dalaman



### b. Rumus Pertukaran *Onset*



### c. Representasi Permukaan




Dengan menganggap hentian glotis telah sedia wujud di peringkat dalaman lagi, derivasi di atas menjadi lebih mudah kerana kita tidak memerlukan rumus *default* yang bersifat *ad hoc* itu. Dari sudut fonologi, analisis sebegini dianggap lebih baik dan berpada. Namun begitu, apabila diuji pada data bahasa mainan yang lebih luas, analisis ini didapati bermasalah untuk menjelaskan fenomena yang berlaku. Analisis ini tidak boleh menjelaskan perubahan kata [aŋkə] menjadi [kaŋə] dalam bahasa mainan yang dikaji (lihat derivasi 12).

Analisis autosegmental ini juga mampu menjelaskan proses penyisipan hentian glotis yang berlaku dalam kata yang bersuku kata tunggal. Kajian ini mengandaikan bahawa kata yang dikenali sebagai bersuku kata tunggal itu sebenarnya bersuku kata dua di peringkat leksikalnya. Kata ini mempunyai dua suku kata di tingkat suku kata, dan suku kata pertama itu memiliki gatra K dan V yang kosong (lihat representasi 9a). Andaian ini menyokong dakwaan Teoh (1994) yang mengatakan bahawa kata dasar bahasa Melayu berstruktur dua suku kata di peringkat leksikalnya. Bagaimana kata mainan diterbitkan dapat ditunjukkan dalam derivasi yang berikut:

## 9. Penderivasian Bahasa Mainan Pertukaran *Onset*

### a. Representasi Dalaman

Tingkat suku kata




Tingkat KV

Tingkat segmen

### b. Rumus Pertukaran *Onset*

Tingkat suku kata




Tingkat KV

Tingkat segmen


c. Rumus Penyebaran Vokal

Tingkat suku kata




d. Rumus Nyahgeminat Vokal

Tingkat suku kata




e. Rumus *Default* Penyisipan Glotis

Tingkat suku kata



f. Representasi Permukaan


Tingkat suku kata




Seperti yang dapat dilihat, representasi leksikal kata /yu/ itu terdiri daripada dua suku kata dan pola suku kata dasarnya ialah KV\$KV. Ini bertepatan dengan dakwaan Teoh (1994) yang mengatakan bahawa semua kata dasar yang dikenali sebagai bersuku kata satu itu sebenarnya bersuku kata dua. Templat KV\$KV ini juga memenuhi syarat suku kata dasar bahasa Melayu kerana semua suku katanya mempunyai *onset*.

Seterusnya rumus perubahan *onset* berlaku di tahap (9b). Dalam representasi ini, konsonan *onset* pada kedudukan suku kata kedua beralih tempat ke posisi suku kata pertama. Oleh yang demikian, [y] akan bertukar tempat daripada *onset* suku kata kedua kepada *onset* suku kata pertama. Oleh sebab gatra V pada suku kata pertama tidak mempunyai fonem vokal, maka rumus penyebaran vokal pun berlaku (9c). Vokal /u/ pada suku kata kedua menyebar pada gatra V yang kosong di suku kata pertama. Ini menghasilkan vokal geminat atau vokal panjang. Namun pada tahap ini, gatra K masih lagi terbiar kosong. Teoh (1994) menyatakan vokal geminat itu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu geminat tulen dan geminat palsu. Geminat tulen dan geminat palsu dapat dibezakan dari sudut representasi fonologinya, seperti yang digambarkan dalam rajah di bawah:

## 10. Representasi Geminat



Geminat tulen




Geminat palsu

Representasi di atas menunjukkan bahawa geminat tulen terdiri daripada dua gatra X yang dihubungkan dengan satu segmen melalui garis penghubung yang bercabang, manakala geminat palsu mempunyai dua gatra X yang masing-masing dihubungkan dengan dua segmen yang berlainan. Geminat tulen wujud akibat daripada proses penyebaran, dan geminat palsu ialah penggabungan dua segmen yang identikal.

Dalam bahasa Melayu, tidak terdapat vokal geminat atau vokal panjang. Ini merupakan kekangan fonotaktik bahasa Melayu. Justeru, untuk menge-lakkan kekangan ini, representasi geminat harus mengalami modifikasi. Satu strategi yang boleh digunakan adalah dengan melaksanakan rumus nyahgeminat vokal.

## 11. Rumus Nyahgeminat Vokal



Pelaksanaan rumus nyahgeminat menyebabkan gatra V kini mempunyai dua vokal /u/ yang berbeza. Oleh sebab suku kata dasar bahasa Melayu memerlukan *onset*, maka gatra K yang kosong itu perlu diisi agar bentuk fonetiknya dapat direalisasikan. Pada tahap ini, rumus *default* penyisipan glotis (7) pun diaplikasikan setelah semua rumus fonologi sempurna dilaksanakan.


Perbincangan di atas menunjukkan bahawa motivasi utama yang mendorong pelaksanaan rumus penyisipan glotis adalah untuk memastikan setiap suku kata itu mempunyai *onset*. Rumus ini berlaku pada kata dasar yang dikenali umum sebagai bersuku kata tunggal dan kata dasar yang bersuku kata dua yang bermula dengan vokal. Dalam perbincangan seterusnya, kita akan melihat bagaimana kata dasar yang bermula dengan vokal tetapi tidak mengalami penyisipan hentian glotis seperti yang berlaku pada data (3) h, i, dan j.

Sama seperti analisis yang awal, kami mengandaikan bahawa kata dasar tersebut mempunyai gatra K di suku kata awal tetapi gatra ini tidak mempunyai spesifikasi fonem. Berbeza daripada derivasi sebelum ini, gatra K yang kosong ini tidak diisi dengan hentian glotis tetapi diisi oleh konsonan koda yang berhampiran. Sila lihat derivasi yang berikut:


## 12. Proses Penderivasian Tanpa Penyisipan Glotis

### a. Representasi Dalaman

Tingkat suku kata




Tingkat KV




Tingkat segmen

b. Rumus Pertukaran *Onset*

Tingkat suku kata




Tingkat KV




Tingkat segmen

c. Rumus Penyebaran Konsonan

Tingkat suku kata




Tingkat KV




Tingkat segmen

d. Rumus Nyahgeminat Konsonan

Tingkat suku kata




Tingkat KV




Tingkat segmen

e. Representasi Permukaan<sup>1</sup>

Tingkat suku kata



Tingkat KV




Tingkat segmen

<sup>1</sup> Perubahan vokal /a/ menjadi [ə] di akhir kata disebabkan oleh rumus reduksi vokal (Zaharani, 1993). Rumus ini tidak dibincangkan di sini kerana tidak begitu relevan dengan tajuk yang dibicarakan.

Seperti biasa, apabila rumus pertukaran *onset* berlaku (12b) konsonan di posisi *onset* suku kata kedua akan bertukar tempat dengan konsonan di *onset* suku kata pertama. Selepas berlakunya pertukaran *onset*, *onset* di suku kata kedua pula menjadi kosong. Kekosongan ini mesti diisi agar bentuk fonetik kata tersebut dapat direalisasikan. Kekosongan gatra K di suku kata kedua diisi melalui rumus penyebaran konsonan /ŋ/ yang bergerak dari kiri ke kanan (12c). Penyebaran ini dibenarkan kerana tiada garis yang bersilang dan menepati konvensi universal WFC.

Penyebaran segmen ini menghasilkan struktur yang berhubungan atau lebih dikenali sebagai bentuk geminat. Dalam konteks ini, geminat yang terhasil ialah geminat nasal /ŋŋ/. Oleh sebab sistem fonologi bahasa Melayu tidak membenarkan kewujudan geminat di dalam kata, maka rumus nyahgeminat konsonan pun dilaksanakan. Berbeza daripada rumus nyahgeminat vokal, rumus nyahgeminat konsonan mengubah struktur X yang bercabang kepada satu unsur X dengan satu garis hubungan sahaja, seperti yang ditunjukkan dalam rajah (13) di bawah. Pelaksanaan rumus ini telah mengubah /ŋŋ/ menjadi /ŋ/ (12d), dan akhirnya menghasilkan output [kaŋə] dalam bahasa mainan.

### 13. Rumus Nyahgeminat Konsonan




Analisis di atas menjadi bukti luaran untuk menyokong mengapa *onset* suku kata pertama bagi kata yang bermula dengan vokal perlu kosong di tingkat segmennya, dan bukannya telah diisi dengan hentian glotis seperti yang didakwa oleh Teoh (1994). Seandainya kita menerima analisis Teoh (1994), maka kata /ʔaŋka/ akan berubah menjadi \*[kaŋʔə] seperti yang ditunjukkan oleh derivasi di bawah. Bentuk ini tidak gramatis dan tidak wujud dalam bahasa mainan yang dikaji.


## 14. Proses Penderivasian Tanpa Penyisipan Glotis

### a. Representasi Dalaman

Tingkat suku kata




Tingkat KV




Tingkat segmen

### b. Rumus Pertukaran *Onset*

Tingkat suku kata




Tingkat KV K




Tingkat segmen

### c. Representasi Permukaan

Tingkat suku kata



Tingkat KV



Tingkat segmen

## BAHASA MAINAN DENGAN RUMUS ASIMILASI NASAL

Dalam inventori fonem bahasa Melayu, terdapat empat jenis segmen nasal, iaitu /m/, /n/, /ŋ/, dan /ɳ/. Salah satu ciri umum perilaku fonologi segmen nasal ini ialah kehadirannya di posisi koda sesuatu suku kata harus berhomorgan dengan segmen obstruen yang menduduki posisi *onset* pada

suku kata yang berikutnya. Ringkasnya, setiap rangkap konsonan nasal obstruen yang hadir dalam kata bahasa Melayu mestilah berhomorgan atau sama daerah artikulasinya antara satu sama lain.

Sehubungan dengan itu, perbincangan seterusnya cuba menjelaskan isu pembentukan kata bahasa mainan melalui penukaran *onset* dengan menjurus kepada rumus asimilasi nasal. Sebelum kita menganalisis dan membuat generalisasi umum tentang ciri-ciri kata berhomorgan dalam bahasa mainan ini, yang berikut dipaparkan data kajian yang dipetik daripada Azizul Rahman (1995).

## 15. Bahasa Rahsia Azizul Rahman (1995)

- |               |   |            |
|---------------|---|------------|
| a. [kəmbo̊ja] | → | [bəŋko̊ja] |
| b. [kumpul]   | → | [puŋkul]   |
| c. [təmpua]   | → | [pəntuə]   |
| d. [cəmbul]   | → | [bəŋcul]   |
| e. [cəmbuŋ]   | → | [bəŋcuŋ]   |
| f. [simpul]   | → | [pinsul]   |

Suatu yang menarik yang dapat diperhatikan dalam Data 15 di atas ialah selain perubahan konsonan *onset* pada suku kata yang terlibat, perubahan juga berlaku pada segmen nasal pada kata-kata mainan tersebut<sup>2</sup>. Kajian ini berpendapat bahawa sekiranya terdapat gugusan nasal obstruen dalam bahasa Melayu, maka segmen nasal itu haruslah berhomorgan dengan konsonan yang berikutnya. Ini ialah ciri fonologi bahasa Melayu dan bagi kebanyakan bahasa rumpun Austronesia. Proses penghomorganan ini dikawal oleh rumus asimilasi nasal (Farid, 1976; Teoh, 1994; Zaharani, 1993). Dari sudut fonologi, rumus asimilasi nasal yang menghasilkan rangkap nasal-obstruen yang homorgan merupakan satu rumus yang natural atau alamiah kerana gejala ini berlaku dalam banyak bahasa di dunia ini. Dalam nahu bahasa Melayu, proses penghomorganan yang dikawal oleh rumus asimilasi nasal ini dikatakan bersifat nalar dan produktif.


Rumus asimilasi nasal dalam kajian ini diinterpretasikan sebagai satu proses penyebaran (*spreading*), iaitu segmen nasal yang berhomorgan itu

---

2 Sekiranya terdapat kata-kata yang mengandungi rangkap nasal-obstruen yang tidak berhomorgan, secara umumnya dapat ditelah bahawa kata tersebut ialah kata-kata asing atau kata pinjaman (Teoh, 1994).

mendapat spesifikasi fitur daerah artikulasinya dengan cara dihubungkan (*linking*) dengan konsonan obstruen yang berikutnya (Teoh, 1994). Formalisasi ini dikatakan lebih alamiah dan menepati kepadaan penjelasan.

## 16. Rumus Asimilasi sebagai Penyebaran Fitur (Teoh, 1994:101)



Rumus di atas bermaksud segmen nasal yang mendahului konsonan obstruen itu telah mengalami proses pengenyahhubungan (*delinking*) dan kehilangan daerah artikulasinya. Konsonan nasal tersebut kemudiannya mendapat daerah artikulasi yang baru melalui proses penghubungan (*linking*) dengan konsonan obstruen yang berikutnya. Proses penghubungan ini ditandai dengan garis putus.<sup>3</sup>


Seterusnya, perhatikan perubahan yang berlaku pada segmen seperti /mp/ berubah menjadi [ŋk], /mp/ berubah menjadi [nt], /mb/ berubah menjadi [nč] dan /mp/ berubah menjadi [ns]. Perubahan yang berlaku menunjukkan bahawa rumus asimilasi nasal telah diaplikasikan, dan segmen nasal telah berubah ke daerah artikulasi yang baru dan berhomorgon dengan daerah artikulasi konsonan yang berikutnya. Oleh yang demikian, data bahasa mainan pertukaran *onset* suku kata menjadi bukti korpus luaran (*corpus-external*) untuk menyokong dan memperkuat analisis fonologi bahasa Melayu selain

3 Azizul Rahman (1995) hanya mentrakripsikan /ŋ/ untuk contoh d, e, f masing-masing sebagai [bəŋçul], [bəŋcug] dan [piŋsul]. Beliau tidak menjelaskan bagaimana perubahan /m/ menjadi [ŋ]. Oleh itu, analisis Azizul gagal menepati kepadaan penjelasan yang menjadi salah satu syarat kajian fonologi. Pada pendapat penulis, perubahan ini didorong oleh rumus asimilasi nasal.

bukti korpus dalaman (*corpus-internal*) semata-mata. Yang berikut ditunjukkan bagaimana rumus asimilasi nasal beroperasi dengan mengambil contoh kata /kumpul/.

### 17. a. Representasi Dalaman

Tingkat suku kata




Tingkat KV

Tingkat segmen

Tingkat fitur

### b. Rumus Pertukaran *Onset*

Tingkat suku kata




Tingkat KV

Tingkat segmen

Tingkat fitur

### c. Rumus Asimilasi Nasal

Tingkat suku kata




Tingkat KV

Tingkat segmen

Tingkat fitur

#### d. Representasi Permukaan

Tingkat suku kata



Representasi dalaman kata /kumpul/ telah tersedia dihubungkan dengan tingkat KV, tingkat suku kata dan tingkat fitur. Dalam derivasi 17b, rumus perubahan *onset* dilaksanakan. Pada representasi ini, *onset* /k/ di suku kata kedua akan berubah tempat ke posisi *onset* suku kata pertama. Pertukaran tempat ini menyebabkan konsonan [m] bersebelahan dengan konsonan [k].

Derivasi 17c menunjukkan konsonan nasal [m] telah mengalami proses pengenyahhubungan dan kehilangan daerah artikulasi asalnya. Dari segi analisis fitur distingtif, daerah tersebut mempunyai fitur labial. Konsonan nasal ini kemudiannya mendapat daerah artikulasi yang baru melalui proses penghubungan dengan kosongan obstruen yang berikutnya, iaitu [k]. Daerah yang baru ini memiliki fitur dorsal. Proses penghubungan ini ditandai dengan garis putus-putus. Penyebaran ini menghasilkan konsonan [η] yang berhomorgon dengan [k]. Seterusnya, setelah semua tingkat dihubungkan dengan gatra dan segmen masing-masing, maka terbentuklah kata dalam bahasa rahsia [puŋkul] yang berasal daripada kata dasar bahasa Melayu /kumpul/.

## KESIMPULAN

Kertas ini telah menghurai dan menjelaskan perilaku fonologi salah satu ragam bahasa mainan dalam bahasa Melayu, iaitu bahasa mainan perubahan struktur suku kata yang pernah diuraikan secara deskriptif oleh Azizul Rahman (1984) dan Ajid (1989). Kajian ini yang menggunakan pendekatan teori fonologi autosegmental cuba mengenal pasti rumus-rumus fonologi yang beroperasi dalam bahasa mainan tersebut dan seterusnya menjelaskan proses penderivasian yang menerbitkan kata mainan yang berkenaan.

Sebagai salah satu ragam bahasa Melayu, bahasa mainan ini didapati masih terikat dan dikawal oleh rumus-rumus fonologi yang mendasari sistem nahu bahasa Melayu.

## RUJUKAN

- Ajid Che Kob, 1989. "Samayama: Rahsia dalam Berbahasa" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 33(2):106–117 1989.
- Azizul Rahman Abdul Rahman, 1995. *Bahasa Rahsia Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bagemihl, B., 1996. Language games dlm. John. A. Goldsmith. *The Handbook of Phonological Theory*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Goldsmith. J. A., 1976. An overview of autosegmental phonology. *Linguistic Analysis* 2:23–68.
- Goldsmith, J.A., 1990. *Autosegmental and Metrical Phonology*. Cambridge: Basil Blackwell, Inc.
- Md. Suhada Kadar, 2003. *Bahasa Rahsia: Suatu Analisis Autosegmental*. Kertas Projek Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teoh Boon Seong, "Fonologi: Satu Pendekatan Autosegmental" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 29(8):731–743 1986.
- Teoh Boon Seong, 1994. *The Sound System of Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, 1993. *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.